

TUKAR ALAMAT KAMPUNG DIGITAL KINI PERCUMA

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 25/07/2025 | Author: SHANIKA ABDULLATIB | Others

MELAKA, 25 Julai (Bernama) -- Penduduk daripada lebih 600 kampung yang telah disenaraikan dalam inisiatif Kampung Digital kini boleh melengkapkan proses menukar alamat di kad pengenalan secara percuma, kata Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Beliau berkata ia susulan persetujuan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk menyokong inisiatif Kampung Digital sekali gus memudahkan urusan penukaran alamat penduduk yang terlibat.

"Ini kerana tahun depan bila kita ubah enakmen, semua urusan jabatan kerajaan perlu ikut alamat terkini yang telah kita digitalkan. Jadi, selepas ini sudah tidak boleh pakai alamat lama ikut perbatuan.

"Untuk itu, 50 peratus kos menukar alamat ditanggung kerajaan negeri dan 50 peratus lagi ditaja oleh KDN. Jadi saya menggesa semua penduduk di Kampung Digital supaya jangan berlengah bagi urusan menukar alamat ini," katanya.

Beliau berkata pada sidang media selepas merasmikan Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Negeri Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini hari ini, yang turut dihadiri Ketua Perangkawan Malaysia Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Beliau berkata penduduk terlibat hanya perlu membawa surat Kampung Digital yang diberikan manakala tawaran itu hanya kepada semua penduduk di Kampung Digital sahaja termasuk kanak-kanak.

Tawaran percuma itu sah sehingga hujung tahun ini dan selepas tempoh berkenaan, mereka yang gagal berbuat demikian akan dikenakan bayaran.

Kampung Digital adalah projek rintis dilaksanakan Kerajaan Negeri Melaka bagi memudahkan proses pengesanan alamat dalam usaha memberi perkhidmatan lebih berkesan kepada rakyat pada peringkat akar umbi.

-- BERNAMA

TAG: Kampung Digital, tukar alamat, JPN, percuma, AB Rauf Yusof

SAL SAL AYU